



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam**

**JURUTULIS JAWI KANAN (C.3-4 EB.5)
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**JURUTULIS JAWI KANAN
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
C.3-4 EB.5 (\$1,990 - \$2,970 EB KHAS \$3,040 - \$3,320 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC / BTEC* Diploma Tertinggi Kebangsaan (*HND*) atau sebanding dalam bidang Bahasa (Bahasa Melayu termasuk Jawi, Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab) / Seni Khat Jawi atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Dewan Bahasa dan Pustaka dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.2 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.2 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.
2. Berpengetahuan dalam nama-nama semua jenis khat jawi serta boleh membaca, mengeja dan menulis jawi dengan baik.
3. Berkebolehan dan berpengalaman tidak kurang dari 5 tahun dalam kerja-kerja reka bentuk yang berkaitan dengan khat jawi adalah kelebihan.
4. Berkebolehan dan berkemahiran dalam menggunakan sistem ejaan jawi dan rumi.
5. Berkemahiran menulis menggunakan seni khat jawi, terutama Khat Nasakh, Khat Thuluth dan Khat Kufi. Berkebolehan dalam enam jenis seni khat jawi adalah kelebihan.
6. Berpengetahuan menggunakan pelbagai perisian komputer terutama berkaitan dengan jawi, emel dan *database*.



7. Berkebolehan membaca Lambang Fonetik Antarabangsa (*International Phonetics Alphabet*) adalah kelebihan.
8. Berkebolehan menterjemahkan Bahasa Inggeris ke Bahasa Melayu adalah kelebihan.
9. Berkebolehan dalam Linguistik Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Mengetuai Unit Jawi;
2. Menyelaraskan sistem tulisan dan ejaan jawi;
3. Menyelaraskan penggunaan tulisan jawi;
4. Memberi khidmat tulisan jawi; dan
5. Menjalankan tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.